

PENDUDUKAN JEPUN DI PERAK  
DARI ASPEK STRUKTUR PENTADBIRAN  
DAN EKONOMI TAHUN 1942 - 1945

OLEH  
KAMARUDDIN BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

1981 / 82

**ARKIB**

rb  
fAC895  
M22K17

PENDUDUKAN JEPUN DI PERAK  
DARI ASPEK STRUKTUR PENTADBIRAN DAN EKONOMI  
TAHUN 1942 - 1945

Oleh  
KAMARUDDIN BIN AHMAD

Penyelia  
DR. CHEAH BOON KHENG

Latihan Ilmiah  
Untuk Memenuhi

Sebahagian Daripada Syarat-Syarat  
Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian  
Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
1981/1982.

Untuk..

Ayah dan Kakak  
Yang Sentiasa Berkorban dan Mendoakan  
Demi kejayaan ku.....

Semoga Setiap Rentak Dan Langkah  
Dalam Perjalanan Hidup Kita  
Di Berkati Allah Hendaknya .....

## KANDUNGAN'

## HALAMAN

PRAKATA	.. .. .	i
PENDAHULUAN	.. .. .	ii-vi
BAB 1	Corak Dan Struktur Pentadbiran Di Negeri Perak .. ..	1 - 13
BAB 2	Organisasi Pentadbiran Daerah Dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Di Perak Pada Tahun 1942-1945 ..	14 - 42
BAB 3	Struktur Ekonomi - Masalah Dan Langkah-Langkah Mengatasi Oleh Kerajaan Jepun Di Perak .. ..	43 - 61
KESIMPULAN	.. .. .	62 - 67
BIBLIOGRAFI	.. .. .	68 - 74
LAMPIRAN A	Peristiharan Oleh Komander Tentera Darat Jepun	75
LAMPIRAN B	Senarai Nama Pegawai-Pegawai Pentadbiran Jepun Di Tanah Melayu Tahun 1943 .. .. .	76
LAMPIRAN C	Senarai Nama Jawatan Pegawai Daerah Di Pejabat-Pejabat Daerah Negeri Perak - Pada Tahun 1942	77
LAMPIRAN D	Senarai Nama-Nama Doktor Di Hospital Hospital Dalam Negeri Perak Pada Tahun 1942	78-79

HALAMAN

LAMPIRAN E	Senarai Nama-Nama Jurutera Di Jabatan Elektrik Negeri Perak Pada Tahun 1942	80 - 81
LAMPIRAN F	Keanggotaan Shu Sanjihai Tanah Melayu Dan Singapura Mengikut Kavin Tahun 1943 - 1945	82
LAMPIRAN G	Keanggotaan Majlis Negeri Perak (Perak State Council) yang Bermesyuarat Di Taiping pada Tahun 1941	83 - 84
LAMPIRAN H	Keanggotaan Shu-Sanjikai Negeri Perak (Perak State Council) Tahun 1943 - 1945	85 - 86
LAMPIRAN I	Jumlah Kawasan (Ekar) Bagi Jenis-Jenis Tanaman Negeri Perak Perbezaan Tahun 1940 dan Tahun 1945	87 - 88
LAMPIRAN J	Nilai Inflasi: Harga Pasar Gelap - Ipoh Tahun 1941-1945 Barang-Barang Makanan	89
LAMPIRAN K	Gambar-Gambar Ketika Pmerintahan Jepun Di Perak - 1942-1945. Ikhsan Daripada Muzium Perak	90 - 94

SENARAI KEPENDEKAN

- B. M. A.           =       BRITISH MILITARY ADMINISTRATION
- M.P.A.J.A.       -       MALAYAN PEOPLE'S ANTI JAPANESE ARMY
- M.P.A.J.U.       -       MALAYAN PEOPLE ANTI-JAPANESE UNION
- F. M. S.         -       FEDERATED MALAY STATE
- S. P. P.         -       SURAT - SURAT PERSENDIRIAN

## PRAKATA

Bersyukur penulis kepada Allah s.w.t. kerana telah dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Berbanyak-banyak terima kasih penulis ucapkan kepada beberapa pihak dan individu yang telah memberikan bantuan dan kerjasama kepada penulis ketika menjayakan kajian Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan ditujukan kepada Kakitangan Arkib Negara, Petaling Jaya, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam, Pulau Pinang serta Muzium Perak di atas kerjasama mereka yang disanjung tinggi.

Penulis tidak melupakan segala panduan dan tunjuk ajar serta semangat yang telah diberikan oleh Dr. Cheah Boon Kheng, dari Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia disepanjang kajian Latihan Ilmiah ini.

Sekian. Terima Kasih.

Kamaruddin Bin Ahmad  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.

Pertukaran daripada satu kuasa pemerintahan kepada satu kuasa pemerintahan yang lain kebiasaannya akan membawa perubahan struktur pemerintahan bagi sesebuah negara. Oleh yang demikian pertukaran kuasa daripada pemerintahan British kepada pemerintahan Jepun keatas Tanah Melayu dalam jangka tempoh 1942 hingga 1945 adalah suatu peristiwa bersejarah yang tidak harus dilupakan, kerana peristiwa tersebut membawa implikasi terhadap struktur pentadbiran, ekonomi, sosial dan politik kepada penduduk-penduduk Tanah Melayu samada pada ketika itu dan selepasnya. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan pentadbiran, ekonomi, sosial dan politik ketika pemerintahan Jepun telah mendapat perhatian oleh pengkaji pengkaji sejarah dan setakat ini inisiatif dan sumbangan samada yang berbentuk artikel-artikel atau yang berbentuk tisis daripada pengkaji-pengkaji sejarah luar memang banyak. Antaranya ialah Japanese Rule in Malaya 1942 - 1945 oleh Brett, C.C. Japanese Military Administration in Malaya and The Philippines oleh Horner, L. Japanese Occupation of Malaya: Interruption or Transformation dan Japanese Military Administration in Malaya oleh Akashi, Y, The Japanese Policy for Malaya Under The Occupation oleh Itagaki, Y dan sebagainya. Pengkajian mereka telah memberi sumbangan yang berguna kearah mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan dibidang sejarah Tanah air kita.

Walau bagaimanapun sejak akhir - akhir ini terdapat pengkaji-pengkaji sejarah tempatan sendiri yang telah menghasilkan penulisan tentang pendudukan Jepun dengan memberi penumpuan keatas negeri-negeri yang terdapat didalam Tanah Melayu. Umpamanya bagi negeri Perak, Mismy Mohamad menulis mengenai Pendudukan Jepun di Perak 1941-1945, dan Yap Hong Kuan, menulis mengenai Perak Under The Japanese 1941-1945. Manakala bagi negeri Johor pula Ghazali Mayudin, menulis mengenai Pendudukan Jepun di Johor 1942-1945, dan beberapa penulisan juga telah dihasilkan bagi negeri-negeri yang lain. Penulisan Mismy Mohamad secara umumnya meliputi aspek-aspek sosial, politik, pentadbiran dan ekonomi, manakala Yap Hong Kuan pula memberi tumpuan kepada aspek aspek sosial dan ekonomi. Kali ini penulis mengkaji suatu aspek yang memberi penekanan kepada struktur pentadbiran dan ekonomi pula iaitu suatu aspek baru yang membincangkan perkara-perkara yang melibatkan struktur pentadbiran dan masalah-masalah ekonomi. Walaupun penulis menumpukan kajian keatas negeri Perak, tetapi struktur pentadbiran dan ekonomi yang dirangka serta arahan yang diterima daripada pusat pemerentahan Jepun Tanah Melayu, memang tidak dapat dinafikan sedikit sebanyak mempengaruhi struktur pentadbiran dan ekonomi dinegeri-negeri lain termasuk negeri Perak. Namun begitu dari segi perlaksanaannya adalah berbeza, kerana pegawai-pegawai Jepun yang memerintah antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain adalah berlainan, begitu juga kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik bagi negeri Perak umpamanya adalah hanya melibatkan rakyat negeri Perak sahaja dan tidak daripada rakyat negeri lain.

Daripada sumber surat khabar tersebutlah penulis dapat mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Jepun terutamanya di bidang ekonomi.

Sumber-sumber pendua yang terdiri daripada buku-buku artikel artikel dan latihan ilmiah juga menjadi panduan kepada penulis dan penulis menggunakannya untuk memahami dan membezakan pendekatan yang berhubung dengan latihan ilmiah ini.

Tahun-tahun 2602 hingga 2605 yang digunakan oleh penulis menunjukkan tahun-tahun 1942 hingga tahun 1945. Dan dalam latihan ini penulis telah membahagikannya kepada 3 bab:

Bab pertama merupakan gambaran latar belakang mengenai tentera Jepun, kenegeri Perak sehingga berjaya menakluk negeri tersebut. Persediaan yang dilakukan oleh pihak British didalam mempertahankan negeri Perak khasnya dan Tanah Melayu amnya ketika menghadapi serangan-serangan pihak Jepun juga disentuh, disamping menerangkan secara ringkas faktor-faktor kemenangan pihak Jepun dan kekalahan dipihak British. Dan seterusnya membincangkan struktur pentadbiran negeri Perak

Bab kedua, adalah mengenai struktur pentadbiran daerah dan jabatan-jabatan kerajaan negeri Perak yang mana membincangkan langkah langkah dan penyusunan kakitangan dan pegawai-pegawai didalam pentadbiran.

Dalam kes-kes tertentu penulis membuat persamaan dan perbandingan antara struktur pentadbiran semasa Jepun dengan struktur pentadbiran semasa British dinegeri Perak dari segi kakitangan dan pegawai pegawai yang terlibat disamping menilai sejauh manakah pengaruh dan sumbangan mereka kepada penduduk negeri Perak. Organisasi pentadbiran Pejabat Daerah, Pentadbiran Mahkamah, Pentadbiran Ugama Islam dan Institusi Sultan juga dibincangkan.

Bab ketiga, akan membincangkan struktur dan keadaan ekonomi yang terdapat serta langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Jepun untuk mengatasi masalah tersebut dinegeri Perak. Negeri Perak menghadapi masalah kekurangan makanan dan penduduk-penduduk mengalami untuk mendapatkan bekalan makanan. Oleh yang demikian pihak Jepun telah mengutamakan kegiatan-kegiatan ekonomi di bidang pertanian terutamanya pertanian makanan yang cepat mengeluarkan hasil seperti penanaman padi. Pembukaan-pembukaan kawasan pertanian baru untuk ditanam dengan berbagai-bagai jenis tanaman makanan telah digalakkan kepada penduduk-penduduk negeri Perak. Institusi-institusi kewangan seperti bank-bank perdagangan telah ditubuhkan dengan tujuan mengurangkan peredaran wang dalam negeri yang semakin banyak disamping menggalakkan usaha berjimat cermat, menyimpan dan meminjam wang serta menggalakkan rakyat menceburkan diri di dalam lapangan pertanian. Penulis akan membuat penilaian tentang sejauh manakah kejayaan pihak Jepun dalam usahanya mengatasi masalah ekonomi di negeri Perak.